



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARAW



info kampus

UiTM Sarawak

Jln Meranek, 94300 Kota Samarahan, Peti Surat 1258, Kuching, Sarawak. Tel: 082-677200 Telefax: 082-677300 - e-mail: uitmsamarahan@sarawak.itm.edu.com

Isu 51 - Nov 05 - Jan 06

15hb Februari 2006



Majlis Peletakan Batu Asas dan Pecah Tanah Masjid UiTM Sarawak (m.s. 3)

Kita Menang Lagi (m.s. 3)



inside !

Mesej Prof Madya Dr Jamil Hj. Hamali

Majlis Pecah Tanah

Anugerah Kualiti

11D 2006: STestMAP

Syabas to our KARISMA athletes

KKK UITMCS melawat Pontianak

Nadra's Student Exchange Experiences

Nakhoda MPP Bertukar

CSSR di UiTM Terengganu

"Excellence in knowledge must be accompanied by spiritual soundness" - YAB Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud

Nakhoda MPP bertukar lagi... *Rafidah Nawawi*

Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMC Sarawak, Mohd Amirul Rashid Bin Zainnudin, sekarang sedang mengikuti kursus BBA Marketing. Perkara pertama yang beliau lakukan sewaktu dilantik menjadi YDP MPP yang baru ialah merancang perjalanan MPP yang baru. Hala tuju MPP sekarang merupakan kesinambungan perjuangan MPP yang lepas. Apa-apa yang kurang akan diperbaiki dan apa yang baik akan diteruskan. Motto MPP baru ini ialah "Mahasiswa Intelek Pendaulat Wawasan".

Signifikan MPP memilih motto, misi dan visi mereka ialah mereka ingin menekankan aspek akademik di kalangan pelajar kerana untuk mencapai kejayaan. Beliau juga berpendapat bahawa Diploma dan Ijazah hanyalah sebagai paspot untuk seseorang itu mendapat pekerjaan tetapi yang paling penting menentukan kejayaan dalam kareer seseorang itu ialah 'multi-skill' yang ada pada seseorang individu itu.

Untuk mencapai motto, misi dan visi tadi YDP MPP mengharapkan kerjasama dari semua persatuan dalaman untuk menganjur aktiviti yang berbentuk akademik lebih kerap lagi di samping tidak mengabaikan aktiviti lain seperti kerohanian, kebudayaan dan lain-lain. Ini adalah untuk memastikan semua elemen seimbang dan selaras dengan motto MPP untuk menekankan lebih aspek akademik.

Di kesempatan ini YDP MPP yang baru ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sesiapa yang telah mengundi sewaktu pilihan raya yang lepas. "Insya-Allah kami akan melakukan tugas dengan cemerlang. Kerjasama persatuan dalaman amat saya hargai untuk menjadikan UiTM Sarawak universiti yang hidup dengan pelbagai aktiviti. Selain itu, saya juga mengharapkan agar kita menyemai perasaan hormat-menghormati di kalangan rakan-rakan malahan antara pelajar dan staff dan sebaliknya. Anggaplah para staff itu sebagai ibu dan bapa kita dan hormati mereka seperti kita hormatkan ibu bapa kita dan begitu juga dengan staf menganggap para pelajar sebagai anak-anak mereka."


Diharapkan agar MPP baru ini akan mengotakan janji mereka dan meneruskan ketrampilan barisan MPP yang lepas. Insya-Allah dengan pimpinan saudara YDP yang baru akan membuka satu lembaran yang baru dalam diari UiTMCS dan belajar dari idolanya Tun Dr. Mahathir dan berjaya seperti Tun.



"Sekali Air Bah, Sekali Pantai Berubah"

Md Jasmin Bongkik

Bak kata pepatah "Sekali Air Bah, Sekali Pantai Berubah". Mungkin pepatah ini sesuai untuk menggambarkan senario arus perubahan yang dibawa oleh Pengarah Kampus yang baru, Prof. Madya Dr. Jamil Hj. Hamali. Antara inisiatif awal yang diperkenalkan beliau adalah Sistem Internet Tanpa Wayar yang kini beroperasi di Perpustakaan UiTM Kampus Samarahan atau Hot Spot yang dikendalikan oleh TMNet. Suasana pembelajaran juga akan berubah bilamana sistem rangkaian jalurlebar tanpa wayar ini akan diperluaskan ke seluruh kawasan kampus termasuk kediaman mahasiswa-mahasiswi di Kolej Seri Mulu, Seri Serapi dan Seri Gading. Satu jawatankuasa penilai telahpun dilantik oleh Pengarah Kampus untuk mengenalpasti keberkesanan dan menilai kesesuaian cadangan implimentasi oleh pihak ketiga dengan prasarana sedia-ada di kampus ini. Sekiranya implimentasi ini berjaya maka UiTM Sarawak akan pasti menjadi antara kampus terunggul menerajui sistem mesra belajar untuk siswa-siswi Kampus Samarahan. Ini semua adalah hasil keperihatinan Pengarah Kampus Prof. Madya Dr. Jamil Hj. Hamali.



Sidang Redaksi

Penasihat

Prof Madya Dr. Jamil Hj. Hamali
Prof Madya Dr Fatimah Bujang

Penyelaras Penerbitan

Yuthandy Maniam
MB 62/Ext 7680

Panel Editor

Ng Kui Choo (Ketua)
MB 79 / Ext 7667

Cindy Wee (Penolong Ketua)
MB 20 / Ext 7662

Sharifah Zakiah
MB 199 / Ext 7683

Helen Pereira
MB 182 / Ext 7623

Ellen Chung
MB 122 / Ext 7656

Wan Salbiah Wan Othman
MB 115 / Ext 7655

Abdul Rahman Sali
MB 189

Wakil Perpustakaan

Atikah Hj Ramli
* Ext 7676

Wakil Pelajar

Rafidah Nawawi

Grafik dan Percetakan

Yuthandy Maniam

Bantuan Teknikal

Abdul Khalid Karim

Sirkulasi

Ahmad Lotfi Ariffin
Sabariah Mohd Apandi

